

Inflasi Bukan Teras Mendominasi Kadar Inflasi 2017

oleh Dr Zulkipli Omar

Fello Penyelidik Kanan

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)¹

Kadar inflasi diukur oleh indeks harga pengguna (IHP) pada tahun lepas secara umumnya adalah lebih tinggi berbanding dengan tahun 2016. Purata kadar inflasi IHP pada tahun 2017 adalah 3.9% berbanding dengan 2.1% pada tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, Jabatan Perangkaan Malaysia telah menyemak semula kadar inflasi IHP untuk 2017 kepada 3.7%. Peningkatan paras harga biasanya disumbangkan sama ada oleh peningkatan permintaan yang tinggi atau peningkatan kos pengeluaran atau kedua-duanya. Kedua-dua faktor tersebut memainkan peranan menyumbangkan kepada peningkatan harga pada tahun lepas.

Prestasi ekonomi tahun lepas adalah melampaui jangkaan, di mana keluaran dalam negeri kasar (KDNK) tumbuh pada kadar 5.9%. Kadar pertumbuhan tersebut adalah 0.3 mata peratusan lebih baik dari unjuran MIER, iaitu pada kadar 5.6%. Pertumbuhan yang tinggi ini disumbangkan terutamanya oleh permintaan domestik dan disokong oleh permintaan antarabangsa yang sihat. Pertumbuhan permintaan domestik terutamanya disumbangkan oleh peningkatan perbelanjaan swasta yang tumbuh pada kadar 7.0%. Manakala, pelaburan dianggarkan tumbuh pada kadar 4.3% setahun.

Peningkatan permintaan domestik yang memberangsangkan tersebut sudah tentu memberi tekanan menaik ke atas paras harga. Kesan ini sering disebut sebagai peningkatan kadar inflasi yang disebabkan oleh tarikan permintaan. Pertumbuhan kadar perbelanjaan swasta juga selari dengan keadaan pasaran buruh yang sihat, di mana kadar pengangguran pada tahun lepas didapati terkawal di bawah paras 3.5%.

Dalam pada itu, peningkatan kos juga memberi kesan kepada kenaikan harga pada tahun lepas, apa yang disebut sebagai inflasi tolakan kos. Peningkatan kos pula terutamanya disumbangkan oleh kelemahan nilai ringgit berbanding dengan dolar

¹ Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

Amerika Syarikat (USD). Keadaan ini memberi kesan kepada nilai import yang biasanya didenominasi di dalam USD. Ini di samping memberi kesan langsung ke atas harga barangan pengguna, juga turut meningkatkan harga barangan perantaraan yang digunakan untuk mengeluarkan barangan pengguna. Justeru, kos pengeluaran akan meningkat yang biasanya akan ditolak kepada pengguna, di dalam bentuk peningkatan harga barangan akhir.

Walaupun nilai ringgit mengalami kenaikan berbanding USD pada tahun lepas, namun ianya masih di bawah nilainya yang lebih stabil berbanding USD pada tahun 2015. Sepanjang tahun lepas nilai ringgit telah meningkat sebanyak lebih kurang 10% berbanding USD. Oleh kerana nilai ringgit berbanding USD masih di bawah paras kestabilan pada 2015, ianya sedikit sebanyak memberi kesan kepada paras harga untuk tahun 2017. Nilai ringgit berbanding USD mula menyimpang dari nilai kestabilan pada tahun 2015 apabila minyak mentah dunia mengalami krisis kejatuhan harga.

Selain dari kelemahan nilai ringgit, harga minyak turut mempengaruhi kadar inflasi pada tahun lepas. Kaedah penentuan harga minyak secara mingguan berdasarkan harga pasaran melihat indeks pengangkutan di dalam IHP mengalami turun naik yang ketara. Sepanjang tahun 2015-2016 indeks pengangkutan mengalami penurunan, yakni merekodkan kadar purata pertumbuhan negatif, kerana kejatuhan harga minyak mentah dunia. Pada tahun 2015 purata pertumbuhan indeks pengangkutan di dalam IHP adalah -4.5% (negatif 4.5%) dan pada tahun 2016 adalah -4.4% (negatif 4.4%).

Namun pada tahun 2017 harga minyak mentah dunia mula meningkat, walaupun masih jauh di bawah harga sebelum krisis, apabila Pertubuhan Negara-Negara Pengeksport Petroleum (OPEC) berjaya mengenakan kuota pengeluaran kepada ahli-ahlinya yang turut disokong oleh beberapa negara pengeluar utama bukan OPEC termasuk Rusia. Sudah tentu kesan akhirnya melihat harga minyak di pam turut meningkat. Oleh yang demikian, indeks pengangkutan telah mencatatkan peningkatan yang mendadak pada tahun lepas dengan purata pertumbuhan dua digit 13.4%. Kaedah penentuan harga minyak mengikut harga pasaran merupakan sebahagian dari proses rasionalisasi subsidi yang perlu untuk meningkatkan kecekapan ekonomi jangka panjang, walaupun terpaksa menghadapi kesan jangka pendek termasuk kenaikan harga.

Peningkatan harga pengangkutan sudah pasti memberi kesan positif kepada kos pengeluaran dan seterusnya diterjemahkan kepada peningkatan paras harga barangan pengguna. Kesan turun naik indeks pengangkutan jelas mempengaruhi corak IHP kerana pemberatnya terhadap IHP yang agak tinggi, yakni 13.7%. Kadar inflasi IHP terbahagi kepada dua komponen, iaitu inflasi teras dan inflasi bukan teras. Berbeza dari dua tahun sebelumnya, kadar inflasi IHP untuk tahun 2017 disumbangkan sebahagian besarnya oleh inflasi bukan teras. Manakala kadar inflasi untuk tahun 2015-2016 sebahagian besarnya disumbangkan oleh inflasi teras.

Inflasi teras merupakan kadar inflasi yang tidak mengambil kira perubahan sementara di dalam harga. Ini dilakukan dengan mengeluarkan barangan dan perkhidmatan yang harganya mengalami turun naik daripada pengiraan indeks. Justeru, barangan dan perkhidmatan yang harganya stabil termasuk di dalam inflasi teras. Manakala barangan dan perkhidmatan yang harganya mengalami turun naik termasuk di dalam inflasi bukan teras. Antara lain, pengangkutan termasuk di dalam inflasi bukan teras.

Pada tahun lepas, daripada purata kadar inflasi 3.9%, 3.0 mata peratusan disumbangkan oleh inflasi bukan teras berbanding sumbangan dari inflasi teras sebanyak 0.9 mata peratusan. Corak ini berbeza dari tahun 2016 di mana sebahagian besar kadar inflasi dengan purata 2.1% adalah disumbangkan oleh inflasi teras dengan 1.5 mata peratusan, berbanding dengan 0.6 mata peratusan sumbangan inflasi bukan teras.

MIER mengunjurkan kadar inflasi untuk tahun ini adalah lebih rendah berbanding tahun lepas. Ini adalah kerana kedua-dua faktor, tarikan permintaan dan tolakan kos, dijangka lebih lemah. Permintaan domestik dijangka tumbuh dengan lebih perlahan. Antara lain, kenaikan kadar dasar semalaman (OPR) oleh Bank Negara akan memperlahankan pertumbuhan permintaan domestik. Sementara itu, harga minyak mentah yang lebih stabil dijangka akan memberi tekanan menurun kepada indeks pengangkutan di dalam IHP. Nilai ringgit yang terus kukuh berbanding USD juga turut memberi tekanan menurun kepada kos pengeluaran kerana harga import barangan perantaraan menjadi lebih murah.